

05/03/1997

Badan perangi gejala sosial

SHAH ALAM: Pergerakan Pemuda Umno Selangor menubuhkan Badan Prihatin Tindakan Sosial yang bertujuan memerangi gejala sosial di kalangan remaja di negeri ini.

Ketua Pemuda Umno Selangor, Soohaimi Abdul Rahman berkata, penubuhan badan itu dipersetujui jawatankuasa Pergerakan Pemuda Umno Selangor dalam mesyuarat yang dijalankan, baru-baru ini.

"Penubuhannya dianggap selaras dengan gesaan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta pelbagai pihak memerangi habis-habisan gejala sosial yang melanda golongan remaja hari ini," katanya di sini, semalam.

(END)